

CNS3885

R GB 06-09 00131 BH100

bah

Mahathir - inflasi
UMNO TUBUH BIRO PENGGUNA

KUALA LUMPUR, 6 Sept (Bernama) -- Majlis Tertinggi Umno yang bermesyuarat hari ini bersetuju untuk menubuhkan Biro Pengguna sebagai usaha mengawal inflasi, kata Presidennya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, biro itu akan dipengerusikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Khwal Pengguna Datuk Abu Hassan Omar dan akan diwujudkan di semua negeri.

Ia akan bekerjasama dengan semua pihak termasuk Majlis Pengguna Negeri yang ditubuhkan oleh kerajaan.

"Buat masa ini kita hanya menubuhkannya di peringkat negeri tetapi bahagian-bahagian bolehlah menjalankan program yang dibuat," kata Dr Mahathir pada persidangan akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat itu di sini.

Dr Mahathir berkata Umno memandang inflasi sebagai satu masalah yang serius. - lagi.

▼06/09/15-12MST

CNS3888

R GB 06-09 00076 BH101

bah

Mahathir - Inflasi 2 (akhir) Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata: "Kita tidak percaya peningkatan ekonomi mesti bersama dengan peningkatan inflasi.

"Matlamat negara kita ialah pertumbuhan yang tinggi dan inflasi yang rendah".

Perdana Menteri berkata setiap orang mempunyai peranan dalam usaha mengawal inflasi kerana ia melibatkan semua.

Umno akan berusaha menyedarkan orang ramai mengenai peranan yang boleh mereka mainkan untuk mengawal inflasi, kata beliau. - Bernama

▼06/09/15-14MST